



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	18/01/2018

Tun M, DAP 'tidur' sebantol namun ada agenda tersendiri

BH - 18/1/2018 B.9

Shah Alam: Veteran UMNO Selangor menyifatkan Tun Dr Mahathir Mohamad dan pemimpin DAP boleh 'tidur sebantol' kerana didakwa mempunyai dasar perjuangan sama.

Pengerusinya, Datuk Ahmad Bahari Abdul Rahman, mendakwa antara sikap berkenaan ialah membelakangkan suara Raja Melayu, selari dengan cita-cita DAP untuk mewujudkan sebuah negara republik.

"Memang benar Dr Mahathir sepanjang 22 tahun menjadi Perdana Menteri begitu memusuhi pemimpin DAP terutama Lim Kit Siang, namun suasana sekarang sudah berubah. DAP cuba mengambil peluang dalam keadaan Dr Mahathir yang semakin tersepit.

Beri kelebihan kepada DAP

"DAP melihat kerjasama dengan Dr Mahathir akan memberi kelebihan kepada parti itu kerana Dr Mahathir bukanlah seorang pemimpin Melayu yang taksub dengan Raja Melayu.

"Oleh sebab itu saya katakan masing-masing ada agenda tersendiri yang lebih kepada kepentingan peribadi, tanpa memikirkan kepentingan rakyat secara keseluruhan," katanya, semalam.

Ketika pentadbiran Dr Mahathir, kuasa Raja Melayu dihadkan melalui dua pindaan Perlembagaan Persekutuan pada 1983 dan 1993.

Bukti makin tertekan

Pemusatan kuasa dengan menjadikan kuasa Perdana Menteri begitu besar membolehkan perkenan Raja Melayu tidak lagi diperlukan dalamewartakan undang-undang yang diluluskan Parlimen.

Ahmad Bahari berkata, sikap serta kelakuan Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) sejak akhir-akhir ini, menggambarkan beliau semakin tertekan dalam usaha menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

"Saya berharap rakyat dapat membuat pertimbangan sebaik-baiknya. Dr Mahathir sanggup berkongsi pentas dengan orang kuat DAP dan pemimpin pembangkang lain yang pernah menanggung akibat ketegasan dasarnya sepanjang memegang tampuk kuasa," katanya.